



**Air memasuki** balai ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.



**Sekeluarga menikmati makanan** di ruang tamu selepas kediaman dinaiki air.



**Penduduk membersihkan** halaman rumah mereka yang ditenggelami air.



**Bukit Laksamana** yang dikatakan penyebab utama banjir kilat.



**Sungai di sekitar Teluk Bahang** yang mungkin penyebab utama banjir.



**Pemandangan dari atas** keadaan banjir dari Bayan Lepas menghala ke Teluk Kumbar, Pulau Pinang.



**Kedudukan banjir** di berapa kawasan sekitar Teluk Bahang yang ditenggelami air.

## Air 'kuning' hingga paras pinggang

**Georgetown:** Ketika fenomena La Nina mula melanda negara ini, kawasan Teluk Bahang di sini mengalami antara banjir kilat terburuk berikutan hujan lebat sejak malam kelmarin.

Paras air di beberapa kawasan mencapai sehingga ke lutut dan ada kenderaan yang terkandas dalam banjir. Keadaan itu membimbangkan penduduk tempatan kerana sesetengah kawasan tidak pernah mengalami banjir kilat sebelum ini.

Penduduk Kampung Nelayan, Husni Abdul Hamid, 44, berkata kejadian kali ini adalah paling teruk, walaupun sebelum ini pernah berlaku banjir kilat di kawasan perkampungan berkenaan.

Katanya, banjir semalam dianggap pelik kerana air banjir yang naik sehingga paras pinggang berwarna kuning dipercayai bercampur tanah dari kawasan bukit berhampiran.

### Projek kuari

"Kami dapat lihat air selut mengalir deras dari arah bukit masuk ke parit sehingga melimpah ke kampung di sini. Berapa banyak bukit di Teluk Bahang sudah digondolkan oleh pemaju termasuk bagi projek kuari.

"Tiada lagi pokok yang dapat menahan air hujan dari bukit menyebabkan rumah kami menjadi 'mangsa' kerana terletak di kawasan rendah dan berdekatan laut," katanya dalam nada marah ketika ditemui semalam.

Difahamkan, penduduk kampung pernah menyuarakan kebimbangan mengenai kegiatan penggondolan hutan dan meminta kerajaan negeri memantau kegiatan itu, namun tidak dilayan.

**Untuk komen**  
e-mel ke [bhnews.bh.com.my](mailto:bhnews.bh.com.my)  
atau di laman Facebook BH Online